

MOES ENTERPRISE

Asas Keusahawanan (ETR 300)

Disediakan untuk:
Prof. Madya Tuan Haji Illias Zaidi
Pensyarah ITM Melaka

Disediakan oleh :
Endy Dzulkarnaen bin Ariffin
Erni Juzarina binti Hj. Zainuddin
Muniroh binti Salleh
Rosnitah binti Pit
Zuhalaili binti Ibrahim

Diploma Pentadbiran Awam
Semester 05
ITM Melaka

9 Mac 1998



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

21hb. November 1997

Tarikh:

Surat Tuan:

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963 06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Endy Dzulkarnaen Ariffin	95267049
2.	Erni Juzarina Zainuddin	95938744
3.	Muniroh Salleh	95915174
4.	Rosnitah Pit	95297994
5.	Zuhalaili Ibrahim	95373270

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

Rozali Hashim
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Provos

MOES ENTERPRISE
28-01 , Jalan Melaka Raya 21, Taman Melaka Raya,
75000 Melaka
Tel : 06-2803777
Fax : 2803779
<http://www.moes.jaring.my>

9 Mac 1998

Prof. Madya Tuan H.j. Illias Zaidi

Pensyarah ETR 300

ITM Cawangan Melaka

Km 26 Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka.

Tuan,

PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Bersama-bersama ini disertakan kertas kerja ETR 300 mengenai Rancangan Perniagaan MOUNTAINING and OUT DOOR EQUIPMENT SUPPLIER untuk tindakan selanjutnya dari pihak tuan.

Alhamdulillah bersyukur kami dengan adanya bimbingan serta tunjuk ajar dari pihak tuan dan orang-orang yang terlibat, kami berjaya melaksanakan kertas projek ini.

Di samping itu berkat kerjasama, kesungguhan dan usaha yang gigih antara rakan kongsi, kami dapat menyiapkan rancangan perniagaan ini mengikut tempoh yang ditetapkan.

1.0 PENGENALAN

Semenjak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan pada tahun 1970, usaha dan galakan kerajaan telah tertumpu kepada usahawan Bumiputera. Pelbagai usaha dan rancangan telah dilaksanakan, maka ramai usahawan Bumiputera menceburi bidang keusahawanan sehingga peratusan penyertaan usahawan Bumiputera terus meningkat dari tahun ke tahun. Kejayaan ini boleh dibanggakan tetapi ia masih jauh dari matlamat DEB yang berkehendakan minima 30% penyertaan Bumiputera di dalam perniagaan.

Kemunculan usahawan Bumiputera meningkat dari akhir tahun 1970an hingga awal 1990an ini. Tetapi pada tahun 1983 oleh kerana kemelsetan ekonomi berlaku ramai usahawan gagal meneruskan perjuangan mereka di dalam dunia perniagaan yang penuh mencabar ini. Namun masih terdapat juga usahawan tulen yang masih mampu untuk berdiri teguh mengembangkan perniagaan mereka.

Memandangkan budaya lepak semakin berleluasa sejak kebelakangan ini, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk mengurangkan gejala ini. Di antara aktiviti yang telah dibuat oleh kerajaan adalah dengan menganjurkan sukan, kebudayaan dan rekreasi. Oleh itu, kami sebagai menyahut seruan kerajaan ingin turut serta membantu kerajaan dalam menangani masalah ini. Maka dengan itu, kami telah mengambil inisiatif untuk membuka MOUNTAINING AND OUTDOOR EQUIPMENT SUPPLIER dengan harapan masyarakat Malaysia amnya dan para belia khasnya dapat menghabiskan masa dengan lebih berfaedah disamping menimba pengalaman baru. Selain daripada itu, kami juga cuba menerapkan betapa pentingnya penjagaan alam sekitar dengan mendekatkan mereka dengan alam semula jadi.

Memandangkan kelebihan dan keistimewaan yang kami miliki serta dengan adanya keyakinan terhadap kemampuan kami, maka kami dengan bangganya menyahut cabaran Wawasan 2020 untuk bersama melibatkan diri dalam usaha untuk membangunkan agama, bangsa dan negara.

Kami telah menamakan perniagaan kami **MOUNTAINERING AND OUTDOOR EQUIPMENT SUPPLIER** dan kami yakin perniagaan kami mampu untuk bersaing serta berdaya maju dalam menjual dan sekaligus menjadi pembekal kepada orang-perseorangan, persatuan-persatuan dan badan-badan persendirian yang memerlukan alatan kelengkapan mendaki dan perkhemahan dengan berpegang teguh kepada jalan Allah SWT.